



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia (Utusan Kota)

- | | | |
|---|-------------------------------------|----|
| - | Ukay Bistari diancam tanah runtuhan | 26 |
|---|-------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

| | |
|--------------|-----------------------------------|
| Akhbar | Utusan Malaysia (utusan kota) |
| Tajuk Berita | Ukay Bistari diancam tanah runtuh |
| Muka Surat | 26 |

UTUSAN MALAYSIA

JUMAAT • 24.11.2017 kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

RUNTUHAN tebing sepanjang 20 meter berhampiran Pangaspuri Dahlia, Ukay Bistari, Ampang Jaya, Selangor terus membimbangkan penduduk setempat berikut kerajaan tiada sebarang kerja-kerja baik pulih dilakukan sehingga hari ini. -UTUSAN/NOORADZRENE MOHAMMED NOOR

DUA penduduk mewajahkan cadangan lokasi untuk pembinaan pejalan kaki baharu bagi menggantikan laluan yang runtuh.

Penduduk bimbang, gesa pihak berwajib segera bertindak

Ukay Bistari diancam tanah runtuh

RUNTUHAN tebing akibat hujan lebat pada Sabtu lalu terus menjadi ancaman kepada penduduk setempat.

Unit Berita Kota
44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my

MUKA 26

LEMBAH KLANG NEGERI SEMBILAN MELAKA

REAKSI

TOLONG SEGERAKAN KERJA BAIK PULIH

ZAMRI AB. RAHMAN Penduduk

"RUNTUHAN tebing menyebabkan urusan harian penduduk dari tiga buah pangaspuri berhampiran terjejas. Kami menekankan pihak berwajib segera membina sebuah laluan baharu bagi memudahkan urusan kami."

LATIPAH YUSOP Pekerja swasta

"WALAPUN tiada nyawa yang hilang dalam kejadian tebing runtuh ini, saya berharap pihak berwajib dapat melakukan kerja-kerja selenggara dan baik pulih deni keselamatan penduduk."

MOHD. SAIDI AB. RAHMAN Pekerja swasta

"SEJAK kejadian turun hingga ke hari ini tidak seorang wakil rakyat turun padang bertanya khabar. Jangan ada sesuatu perkara buruk menimpa penduduk baru pihak yang dipertanggungjawabkan mahu mengambil tindakan."



Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN,
FAUZI SUHAIMI DAN AMIRUL
AIMAN ANUAR
kota@utusangroup.com.my

■ AMPANG JAYA 23 NOV.

LEbih 5,000 penduduk Jalan Ukay Bistari di sini bimbang dengan ancaman hakisan dan tebing runtuh di kawasan parkir Pangaspuri Dahlia, Jalan Ukay Bistari di sini.

Hujan lebat berpanjangan pada petang Sabtu lalu menyebabkan tebing berhampiran perumahan beringkat itu runtuh.

Lebih mengejekan penduduk, sehingga ke hari ini tiada sebarang kerja-kerja baik pulih dilaksanakan pihak bertanggungjawab.

Penduduk mendakwa akibat runtuh itu, tangga yang digunakan sebagai lauan perjalanan kaki untuk ke pondok bas berhampiran turut musnah.

Lauan pejalan kaki itu juga digunakan penduduk Pangaspuri Mutiara serta Residensi Bistari yang terletak berhampiran Pangaspuri Dahlia.



PENDUDUK Pangaspuri Dahlia, Ukay Bistari turut meminta pihak bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja turapan di kawasan parkir perumahan mereka.

Disebabkan ketiadaan kerja-kerja baik pulih, penduduk terpaksa berpuasing sejauh dua kilometer menuju ke stesen bas.

Sementara itu tinjauan *SKUAD TERJAH* jadi kesimpulan jarak hakisan dan runtuhannya telah dengan pemuraman itu hanya kira-kira 10 meter.

Berdasarkan permerhatian jika kerja-kerja baik pulih tidak jika segerakan kemungkinan bila-bila masa sahaja runtuhannya boleh merebak ke struktur kediaman penduduk.

Seorang penduduk, Abdul

Rashid Selan, 63, berkata, pihak berwajib perlu segera melaksanakan kerja-kerja baik pulih dengan segera demi keselamatan dan keselamatan penduduk setempat.

"Kami difahamkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan turun padang pada Ahad lalu, namun sehingga ke hari ini tidak kelihan kelibatnya mahupun wakil kerajaan negeri," katanya.

Menurut Abdul Rashid, penduduk mengambil inisiatif membina sendiri sebuah tangga untuk

Penduduk turut menanti kehadiran Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang difahamkan akan turun padang pada Ahad lalu, namun sehingga ke hari ini tidak kelihan kelibatnya mahupun wakil kerajaan negeri."

ABDUL RASHID SELAN
Penduduk

memudahkan mereka ke pondok bas berhampiran.

"Sejak runtuhannya tebing berlaku, warga emas dan pelajar sekolah terpaksa berjalan jauh ke stesen bas berhampiran bulatan di Ukay Bistari.

"Disebabkan ingin cepat mengejar bas mereka terpaksa juga melalui kawasan runtuhannya di sini," katanya.

Tambahnya, sehubungan itu penduduk merayu pihak berwajib menyegerakan kerja-kerja baik pulih runtuhannya untuk keselamatan dan keselamatan mereka.

Apakah kerajaan negeri mahu menunggu adu nyawa penduduk melayang baru tindakan mahu diambil?

MPAJ arah JMB pangaspuri baik pulih runtuhannya

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (JMB) bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangaspuri Dahlia, Jalan Ukay Bistari, Ampang, Selangor melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja baik pulih runtuhannya tebing di kawasan parkir perumahan itu.

PEGawai Komunikasi Korporatinya, Norhayati Ahmad berkata, notis tersebut diberikan kepada JMB perumahan itu dan kerja-kerja NORHAYATI AHMAD tersebut adalah di luar bidang kuasa MPAJ.

"Mereka (JMB) diminta untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih runtuhannya tersebut dengan segera. Ini kerana kejadian berlaku di dalam kawasan JMB terbsbit," katanya ketika dihubungi di sini.

MAKLUM BALAS

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan *Utusan Malaysia* berhubung lebih 5,000 penduduk di sini. Bistari bimbang apabila berdepan dengan ancaman runtuhannya tebing yang berlaku di kawasan parkir Pangaspuri Dahlia.

Tambah Norhayati, jika JMB terbahagi gagal menjalankan pembangunan kerja-kerja pembangunan itu, pihak MPAJ akan menjalankan tindakan susulan.

"MPAJ memberi notis selama 14 hari untuk JMB membeti maklum balas kepada kami berhubung tindakan yang dibuat di tapak berkebaikan," katanya.

kan itu, pihak MPAJ akan menjalankan tindakan susulan.